



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Suruhanjaya Tenaga di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkualkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
NO. SEBUT HARGA: MPKLJK/SH : 83/2023 KERJA-KERJA MEMBAIKI KEROSAKAN JALAN DAN KERJA BERKAITAN DI JALAN CJ5, TAMAN CHANGGANG JAYA, BUKIT CHANGGANG, BANTING, KUALA LANGAT.	SPKK Gred : G3 <i>Kategori : CE</i> <i>Pengkhususan : CE21</i> <i>Pembinaan Kejuruteraan Awam</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i>	RM250.00 **Tidak akan dikembalikan	(Kehadiran adalah DIWAJIBKAN) PENDAFTARAN TARIKH: 30/10/2023 (ISNIN) MASA: 9.00 PAGI TEMPAT: JALAN CJ 5, TAMAN CHANGGANG JAYA, BUKIT CHANGGANG, BANTING TAKLIMAT dan LAWATAN TAPAK TARIKH: 30/10/2023 (ISNIN) MASA: 10.30 PAGI TEMPAT: JALAN CJ 5, TAMAN CHANGGANG JAYA, BUKIT CHANGGANG, BANTING Nota: 1) Pihak kontraktor / Syarikat DIWAJIBKAN membawa Kad Pengenalan Asal, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan UPEN yang masih SAH TEMPOH LAKUNYA serta SATU (1) SALINAN semasa Taklimat di jalankan. 2) Hanya PENAMA di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan SSM sahaja boleh menghadiri taklimat. 3) Dokumen Sebut harga hanya akan dijual kepada Kontraktor / Syarikat yang menghadiri taklimat sahaja.	Mulai : 30/10/2023 (ISNIN) Jam : 12.00 Tengahari PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA Dokumen pelawaan boleh dimuat turun di laman sesawang https://tender.selangor.gov.my **SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB https://tender.selangor.gov.my UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.	Tarikh Tutup: 06/11/2023 (ISNIN) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Pesiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan. **Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

- Setiap dokumen sebut harga dijual dengan harga RM 250.00 secara ONLINE. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai 30 OKTOBER 2023 (ISNIN) di Unit Perolehan dan Ukur Bahan , Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Pesiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.
- Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara ONLINE di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran SPKK, CIDB dan UPEN. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
- Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan WAJIB dibukukan / didokumentasikan.
- Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI dan dimasukkan ke dalam PETI TENDER seperti tertera di atas.
- Penghantaran Dokumen Sebut harga perlu disertakan bersama RESIT PEMBAYARAN sebagai bukti pembelian.
- Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Dokumen Sebut harga. Jika Dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh tutup penjualan Dokumen sebut harga adalah pada 06 NOVEMBER 2023 (ISNIN). Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN di Talian 03-38530303 sambungan 2503.

Disediakan oleh:


.....
(NOR AZIDA BINTI AZMI)
Penolong Jurutera
Unit Perolehan dan Ukur Bahan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:


.....
(MUHAMMAD FAIZ BIN JAMBRI)
Ketua Unit
Unit Perolehan dan Ukur Bahan
Majlis Perbandaran Kuala Langat